

06 AUG 2002

Akayev-Pelaburan (Bergambar)/I

PRESIDEN KYRGYZ GESA BAGI PELABURAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Presiden Kyrgyz, Askar Akayev hari ini menggesa ahli perniagaan Malaysia melabur dalam sektor pelancongan dan industri berkaitan yang semakin berkembang di negara itu.

Beliau berkata keadaan di Kyrgyzstan kini semakin baik dan telah menjadi lebih mesra pelabur.

"Kami mahu lebih ramai ahli perniagaan Malaysia melabur di negara kami," katanya pada jamuan tengah hari perdagangan anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan Malaysia di sebuah hotel, di sini.

Akayev berkata republik itu juga mengalu-alukan pelaburan dalam pertanian dan pemprosesan makanan, industri tekstil dan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Beliau memberikan jaminan bahawa kerajaannya akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pelabur Malaysia dan berharap untuk mewujudkan dasar visa percuma bagi rakyat Malaysia di masa depan.

Akayev juga memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beliau sifatkan sebagai pemimpin unggul bagi Malaysia dan negara-negara membangun.

Beliau turut memberi penghormatan kepada Dr Mahathir kerana telah mewujudkan kemudahan dan infrastruktur bertaraf dunia bagi Malaysia.

Mengimbas lawatan rasmi pertama beliau ke Malaysia pada 1995, presiden Kyrgyz itu melahirkan rasa kagum dengan pembangunan pesat yang dicapai oleh negara ini dalam waktu singkat, terutamanya pusat pentadbiran Putrajaya, bandaraya pintar Cyberjaya dan Kuala Lumpur sebagai pusat komersil.

Beliau turut menghargai sumbangan Malaysia, terutamanya Dr Mahathir, dalam membantu republik itu dalam melaksanakan pelan pembangunan 10 tahun yang komprehensif, dinamakan sempena nama perdana menteri.

Beliau menyatakan bahawa program itu telah mendapat sokongan dan pengiktirafan organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam dan penyumbang-penyumbang lain.

Terdahulu, Akayev, yang sedang dalam rangka lawatan dua hari ke Malaysia, meluangkan masa kira-kira dua jam melawat Multimedia Development Corporation (MDC), di sini.

Delegasi Kyrgyz mendengar taklimat mengenai MDC dan peluang-peluang bagi pembangunan bersama dalam ICT yang disampaikan oleh Nain Presiden Kanan Narayanan Kanan dan Pengurus Kanan MDC Najat Ahmad.

Akayev turut menanam sebatang pokok di pintu masuk Cyberview Lodge sebagai tanda ingatan akan lawatan beliau.

-- BERNAMA

HS SNS ZS RHM